



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pergerakan anggota KPDN dipantau rapi setiap hari

Tonto penyeludup minyak salur maklumat sepanjang masa pastikan kegiatan tidak dikesan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Rantau Panjang: Setiap pergerakan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diintip rapi oleh tonto penyeludup minyak di kawasan sempadan terutama di Rantau Panjang.

Penyeludup yang mahu dikenali sebagai Ahmad berusia 40-an, berkata setiap hari pergerakan anggota KPDN akan dipantau rapi.

Katanya, bermula mereka tiba di mana-mana stesen sekitar jam 8.30 pagi, terdapat tonto khas yang akan memerhati pergerakan mereka dalam usaha memastikan kegiatan penyeludupan minyak bersubsidi tidak dikesan.

Sebaik anggota KPDN tiba, katanya, tonto berkenaan akan memaklumkan kepada kumpulan penyeludup menerusi kumpulan WhatsApp bahawa 'line tidak clear' dengan memaklumkan jenis kenderaan yang dinaiki anggota penguatkuasaan pada hari berkenaan dan bilangan anggota yang bertugas.

Dalam tempoh berkenaan, kumpulan penyeludup akan menjauhi stesen minyak dan berada di kedai-kedai makan berhampiran terlebih dahulu.

Sebaik kenderaan anggota penguatkuasa itu keluar dari stesen dan berada di kedai makan, tempoh itu ibarat durian runtuh buat



Sindiket penyeludupan bahan api mengupah tonto untuk mengintip pergerakan anggota KPDN bagi mengelakkan perbuatan mereka dapat dikesan. (Foto hiasan)

kumpulan penyeludup dan mereka akan bergegas ke stesen minyak untuk mengisi petrol atau diesel.

Tonto berkenaan yang dibayar oleh kumpulan penyeludup akan sentiasa memberi maklumat setiap masa bermula dari pagi sehingga petang.

Itu situasi yang berlaku di sempadan yang menyebabkan kegiatan penyeludupan minyak terus berlaku meskipun pasukan keselamatan memaklumkan pihaknya sentiasa membuat pemantauan.

Ahmad berkata, setiap hari pergerakan anggota KPDN akan dipantau rapi.

"Mereka berhenti di tandas ke, berhenti di 7 Eleven ke atau makan nasi berlauk di mana-mana kedai sekali pun, semua maklu-



Azman Ismail

mat akan sampai kepada kami.

"Kami hanya perlu pantau kumpulan whatsapp terbabit sahaja bagi memastikan kegiatan terlarang ini tidak dikesan oleh pihak penguatkuasa.

"Selain tonto berkenaan, pekerja di stesen minyak juga turut menyalurkan maklumat sama ada keadaan ketika itu 'clear' atau sebaliknya," katanya.

Ada mata-mata memerhati

Sementara itu, Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, turut mengakui kehadiran mereka di sempadan diintip oleh kumpulan penyeludup.

"Kita sedar semestinya ada mata-mata yang memerhati setiap langkah pegawai dan anggota

yang bertugas. Kumpulan penyeludup ini cukup licik dan mereka menggunakan segala taktik atau cara untuk pastikan kegiatan mereka berjalan lancar.

"Namun pada masa sama kita juga mempunyai cara tersendiri dan akan terus memantau dan mengenakan tindakan tegas kepada penyeludup minyak bersubsidi," katanya.

Terdahulu, *Harian Metro* melaporkan, sedut petrol guna kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia menjadi taktik terbaru sindiket penyeludupan petrol sebelum menghantar bekalan terbabit ke Thailand.

Taktik berkenaan dikesan mula aktif sejak awal tahun ini dengan kebanyakan mereka yang didalangi warga Thailand menggunakan kereta Proton Waja memandangkan tangki minyak yang lebih besar berbanding kenderaan lain.

Oleh Nor Fazlina
 Abdul Rahim
 am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Setiap pergerakan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diintip rapi oleh tonto penyeludup minyak di kawasan sempadan terutama di Rantau Panjang.

Bermula mereka tiba di mana-mana stesen sekitar jam 8.30 pagi, terdapat tonto khas yang akan memerhati pergerakan mereka dalam usaha memastikan kegiatan penyeludupan minyak bersubsidi tidak dikesan.

Sebaik anggota KPDN tiba, tonto akan memaklumkan kepada kumpulan penyeludup menerusi kumpulan WhatsApp bahawa *line* tidak *clear* dengan memaklumkan jenis kenderaan dinaiki anggota penguat kuasa pada hari berkenaan dan bilangan anggota yang bertugas.

Dalam tempoh itu, kumpulan penyeludup akan menjauhi stesen minyak dan berada di kedai-kedai

Pengintip: 'Line tak clear'

Tonto perhati pergerakan anggota KPDN, maklum penyeludup menerusi WA

makan berhampiran terlebih dulu.

Sebaik saja kenderaan anggota penguat kuasa keluar dari stesen dan berada di kedai makan, tempoh itu ibarat 'durian runtuh' buat kumpulan penyeludup dan mereka akan bergas ke stesen minyak untuk mengisi petrol atau diesel.

Tonto yang dibayar oleh kumpulan penyeludup akan sentiasa memberi maklumat setiap masa bermula dari pagi sehingga petang.

Itu situasi yang berlaku di sempadan yang menyebabkan kegiatan penyeludupan minyak terus berlaku meskipun pasukan keselamatan memaklumkan pihaknya sentiasa membuat pemantauan.

Penyeludup yang dikenali sebagai Ahmad berusia 40-an berkata, setiap hari pergerakan anggota KPDN akan dipantau rapi.

"Mereka berhenti di tan-



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

das, berhenti di kedai atau makan nasi berlauk di mana-mana sekali pun, semua maklumat akan sampai kepada kami.

"Kami hanya perlu pantau kumpulan WhatsApp saja bagi memastikan kegiatan ini tidak dikesan oleh penguat kuasa.

"Selain tonto, pekerja stesen minyak juga turut menyalurkan maklumat sama ada keadaan ketika itu *clear* atau sebaliknya," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail turut mengakui kehadiran mereka di sem-

padan diintip oleh kumpulan penyeludup.

"Kita sedar semestinya ada 'mata-mata' yang memerhati setiap langkah pegawai dan anggota yang bertugas. Kumpulan penyeludup ini cukup licik dan mereka menggunakan segala taktik atau cara untuk pastikan kegiatan mereka berjalan lancar.



Kita sedar semestinya ada 'mata-mata' yang memerhati setiap langkah pegawai dan anggota yang bertugas. Kumpulan penyeludup ini cukup licik dan mereka menggunakan segala taktik atau cara untuk pastikan kegiatan mereka berjalan lancar"

Azman Ismail

"Namun pada masa sama kita juga mempunyai cara tersendiri dan akan terus memantau dan mengenakan tindakan tegas kepada penyeludup minyak bersubsidi," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, sedut petrol guna kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia menjadi taktik terbaru sindiket penyeludupan petrol sebelum menghantar bekalan terabit ke Thailand.

Taktik berkenaan dikesan mula aktif sejak awal tahun ini dengan kebanyakannya mereka yang didalangi warga Thailand menggunakan Proton Waja memandang tangki minyak yang lebih besar berbanding kenderaan lain.

Mereka sanggup membeli kenderaan Malaysia dengan setiap sindiket mempunyai sekurang-kurangnya tiga kenderaan untuk kegiatan menyeludup minyak.

13 stesen minyak kena tindakan

Kota Bharu: Sebanyak 13 stesen minyak terutama di kawasan sempadan dikenakan tindakan dengan kebanyakannya dipercayai bersekongkol dalam aktiviti penyeludupan minyak.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, jumlah itu direkodkan sepanjang Januari sehingga bulan ini.

“Berdasarkan statistik, jumlah tahun ini meningkat berbanding 2023 iaitu hanya tujuh kes sepanjang tahun. Semua stesen minyak berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang antara lain kesalahan dilakukan adalah membenarkan pelanggan mengisi minyak ke dalam tong tanpa sebarang kebenaran yang sah atau menjual melebihi kuantiti diizinkan,” katanya.

Pada masa sama, KPDN turut menahan seramai 109 penyeludup di bawah akta sama tahun ini dengan kebanyakannya adalah penyeludup minyak.

“Sehingga Mei tahun ini, sebanyak 147 kenderaan disita termasuk sebuah kenderaan asing dan nilai

rampasan keseluruhan membabitkan sebanyak RM2.7 juta. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM379,000 adalah nilai rampasan membabitkan barang kawalan termasuk petrol,” katanya.

Mengulas lanjut katanya, KPDN akan bekerjasama dengan semua agensi berkaitan dalam menangani penyeludupan barangan bersubsidi termasuk petrol.

“Kerjasama dengan agensi di sempadan amat penting memandangkan KPDN sendiri berdepan kekangan keanggotaan dengan sempadan Kelantan-Thailand yang begitu terbuka. Kita mengingatkan pengusaha stesen minyak di kawasan sempadan terbabit supaya tidak bersekongkol dalam aktiviti penyeludupan minyak bersubsidi dan tindakan tegas akan diambil,” katanya.

Pada masa sama, katanya, rondaan dan peman-tauan statik di stesen sempadan oleh pegawai dan anggota KPDN bermula awal bulan ini diyakini mampu mengekang kegiatan penyeludupan berkenaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Beratur sejak pukul 8 pagi beli beras di Jualan Agro Madani

PASIR MAS: Penduduk di daerah ini sanggup beratur seawal pukul 8 pagi untuk membeli beras pada harga murah menerusi Jualan Agro Madani Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang berlangsung di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati rata-rata penduduk tidak melepaskan peluang mendapatkan sekampit beras seberat 10 kilogram (kg) yang dijual pada harga RM25.

Seorang warga emas, Kamariah Mamat, 70, berkata, dia tidak melepaskan peluang membeli enam kampit beras untuk dijadikan sebagai stok.

Menurutnya, pembelian dalam kuantiti yang banyak itu disebabkan dia mempunyai ahli keluarga yang ramai.

"Jualan Agro Madani ini amat membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan seperti saya. Hal ini kerana harga yang ditawarkan cukup murah berbanding pasa-

ran biasa.

"Biasanya, harga runcit sekampit beras untuk berat yang sama boleh mencecah sehingga RM30," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPP Nik Mohd. Shaharil Nik Md. Hashim memberitahu, penjualan beras menerusi Jualan Agro Madani di negeri meningkat sehingga 6,000 kampit bermula 29 April sehingga 13 Mei lalu.

Katannya, jualan ini merupakan satu daripada usaha kerajaan membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga murah.

"Alhamdulillah, sebanyak 2,000 kampit beras telah dijual. Menariknya, hari ini (semalam) beras dijual RM25 lebih rendah daripada harga kawalan iaitu RM26.

"Inisiatif yang diambil oleh PPK Kankong ini memberikan manfaat kepada kepada ahli dan penduduk setempat," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-May	Seludup petrol: Taktik terbaru sindiket dibongkar	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/05/1089897/seludup-petrol-taktik-terbaru-sindiket-dibongkar	HARIAN METRO
14-May	Berhenti ke tandas, berhenti di kedai atau makan nasi berlauk, tonto pantau rapi	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/05/1089926/berhenti-ke-tandas-berhenti-di-kedai-atau-makan-nasi-berlauk-tonto-pantau-rapi	HARIAN METRO
14-May	Shell Malaysia helping fleet, business owners prepare for subsidised diesel control system	https://www.theborneopost.com/2024/05/13/shell-malaysia-helping-fleet-business-owners-prepare-for-subsidised-diesel-control-system/	THE BORNEO POST
14-May	SME Corp. salur bantuan, bimbing usahawan belia Sabah	https://www.sinarharian.com.my/article/664495/berita/nasional/sme-corp-salur-bantuan-bimbing-usahawan-belia-sabah#google_vignette	SINAR HARIAN
14-May	Mahasiswa UUM rangkul emas Anugerah Khas di Pi-ENVEX	https://malaysiagazette.com/2024/05/13/mahasiswa-uum-rangkul-emas-anugerah-khas-di-pi-envex/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE
14-May	Projek Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi diperluas kepada 14 kenderaan	https://www.malaysiakini.com/news/705356#google_vignette	MALAYSIA KINI
14-May	SKDS diperluas, 14 jenis kenderaan barang layak mohon subsidi diesel	https://www.suarakeadilan.my/post/skds-diperluas-14-jenis-kenderaan-barang-layak-mohon-subsidi-diesel	SUARA KEADILAN
14-May	ESSCOM tahan 29 individu atas pelbagai kesalahan	https://sabahmedia.com/2024/05/13/esscom-tahan-29-individu-atas-pelbagai-kesalahan/	SABAH MEDIA
14-May	Lori ulang-alik isi minyak bongkar aktiviti selewang diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/664578/berita/semasa/lori-ulang-alik-isi-minyak-bongkar-aktiviti-selewang-diesel	SINAR HARIAN

14-May	13 STESEN MINYAK BERSEKONGKOL DENGAN PENYELUDUP DIKENAKAN TINDAKAN - KPDN	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2297291	BERNAMA
14-May	KPDN rampas 2,550 liter minyak diesel bersubsidi cuba diseleweng	https://www.sinarharian.com.my/article/664583/berita/semasa/kpdn-rampas-2550-liter-minyak-diesel-bersubsidi-cuba-diseleweng	SINAR HARIAN
14-May	Ops Tiris 3.0 tumpas sindiket seleweng minyak diesel	https://thesun.my/cerita/berita/ops-tiris-30-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-diesel-OD12447922	THE SUN
14-May	Ops Tiris 3.0 tumpas sindiket seleweng minyak diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-tiris-3-0-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-diesel-470414	ASTRO AWANI
14-May	OPS TIRIS 3.0 TUMPAS SINDIKET SELEWENG MINYAK DIESEL	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2297236	BERNAMA
14-May	Petrol smuggling syndicates use M'sian vehicles to transport supplies to Thailand	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/05/1050078/petrol-smuggling-syndicates-use-msian-vehicles-transport-supplies	NEW STRAITS TIMES
14-May	13 stesen minyak dikenakan tindakan, bersekongkol dengan penyeludup	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1089977/13-stesen-minyak-dikenakan-tindakan-bersekongkol-dengan-penyeludup	HARIAN METRO
14-May	Action taken against 13 K'tan petrol stations for colluding with smugglers - KPDN	https://thesun.my/local_news/action-taken-against-13-k-tan-petrol-stations-for-colluding-with-smugglers-kpdn-KD12448561	THE SUN
14-May	13 stesen minyak bersekongkol dengan penyeludup dikenakan tindakan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1246590/13-stesen-minyak-bersekongkol-dengan-penyeludup-dikenakan-tindakan	BERITA HARIAN

14-May	Peniaga warga Pakistan dikesan naikkan harga paku 20 sen sebatang	https://www.sinarharian.com.my/article/664598/edisi/sabah-sarawak/peniaga-warga-pakistan-dikesan-naikkan-harga-paku-20-sen-sebatang	SINAR HARIAN
14-May	Harga paku 20 sen sebatang?	https://www.sabahgazette.com/harga-paku-20-sen-sebatang/#google_vignette	SABAHA GAZETTE
14-May	SUBSIDISED DIESEL CONTROL SYSTEM PROJECT EXPANDED TO ANOTHER 14 TYPES OF VEHICLES – ARMIZAN	https://malaysiantribune.com/subsidised-diesel-control-system-project-expanded-to-another-14-types-of-vehicles-armizan/	MALAYSIAN TRIBUNE
14-May	RISE IN WHOLESALE, RETAIL TRADE PROVES ECONOMY IS DYNAMIC AND PROGRESSIVE – ARMIZAN	https://malaysiantribune.com/rise-in-wholesale-retail-trade-proves-economy-is-dynamic-and-progressive-armizan/	MALAYSIAN TRIBUNE
14-May	Shell Malaysia bantu pemilik armada dan perniagaan bersiap sedia untuk SKDS 2.0	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/13/shell-malaysia-bantu-pemilik-armada-dan-perniagaan-bersiap-sedia-untuk-skds-20	UTUSAN BORNEO